

JPS Updates



**FORUM ASIA WATER
RESOURCES (AWARE) 2016**
m/s 03



**57TH. IEM ANNUAL DINNER &
AWARDS NIGHT**
m/s 07



**LAWATAN KERJA KE PETROLEUM
RESOURCE CENTRE, KLCC**
m/s 10



@OneJPS

www.water.gov.my

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN DAN AMANAT DATO' KETUA PENGARAH

Oleh: Bahagian Korporat

Pada 29 April 2016, telah diadakan Majlis Perhimpunan Bulanan dan Amanat Dato' Ketua Pengarah sempena perantukan rasmi YBhg. Dato' Ir. Haji Zulkefli bin Hassan sebagai Ketua Pengarah JPS Malaysia yang berkuatkuasa 21 Mac 2016.

Majlis ini diadakan sebagai simbolik kepada penyampaian mandat pertama beliau sebagai Ketua Pengarah JPS Malaysia. Antara perkara yang ditekankan adalah :

- a) Kemajuan kerjaya dan pemantapan organisasi
- b) Pelaksanaan RMK11-RP1
- c) Projek pembangunan
- d) Pembinaan bangunan pejabat baru JPS
- e) Projek Ramalan Amaran Banjir Negara (PRABN)
- f) National water balance Study (NAWABS)
- g) Water Security
- h) Integriti Organisasi

YBhg. Dato' Ir. Haji Zulkefli bin Hassan juga merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua warga JPS diatas kepercayaan yang diberikan kepada beliau sebagai peneraju utama JPS Malaysia.



TAHNIAH JPS : PENGIKTIRAFAN AGENSI SEKTOR AWAM (SSR) BERTARAF 5 BINTANG BAGI TAHUN 2015-2016

Oleh : Bahagian Korporat

Majlis Penyampaian Sijil Pengiktirafan Bintang Indeks SSR telah diadakan di Auditorium JPS Ampang pada 29 April 2016. Majlis Penyampaian sijil ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Zainal Rahim bin Seman, Ketua Pengarah (MAMPU). Turut hadir pada majlis tersebut adalah YBhg. Dato' Sri Azizah Bin Ahmad, Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Haji Suhaimi bin Haji Mamat, SUB Kanan NRE, Pn. Azizah binti Ariffin SUB Bhgn Sumber Air, Saliran dan Hidrologi (NRE).

Indeks Penarafan Bintang (Indeks SSR) merupakan salah satu mekanisme untuk menilai dan mengukur prestasi agensi sektor awam berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat Panel Merakytakan Perkhidmatan Awam (MPA) yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara pada 10 Julai 2015. Penarafan Bintang Sektor Awam ini telah disarankan oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada 2 Februari 2005 di Mesyuarat Jemaah Menteri dan pada 1 Disember 2006 di Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKMKPK) supaya penarafan bintang dilaksanakan.

Objektifnya adalah untuk menilai dan mengukur prestasi agensi sektor awam berfokuskan keberhasilan, berorientasikan pelanggan dan berlandaskan aspirasi stakeholders, memperkasakan elemen transformasi dan Inovasi sebagai budaya kecemerlangan agensi dan memberi pengiktirafan secara formal kepada agensi-agensi cemerlang.

Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia telah mendapat Pengiktirafan Agensi Sektor Awam (SSR) bertaraf 5 bintang bagi Tahun 2015-2016 oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri. TAHNIAH DIUCAPKAN!!



FORUM ASIA WATER RESOURCES (AWARE) 2016

Oleh: Bahagian Korporat

YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar telah menyampaikan ucap-tama di Forum Asia Water Resources (AWARE) 2016 di Kuala Lumpur Convention Centre pada 6 April 2016. Turut hadir bersama ialah YBhg. Dato' Ir. Haji Zulkefli bin Hassan, Ketua Pengarah JPS Malaysia serta pegawai tertinggi JPS.

Program AWARE'16 merupakan acara terbesar di Asia bagi pengurusan sumber air dan air sisa yang melibatkan penyertaan oleh pelbagai agensi kerajaan dan industri swasta. Pelbagai program yang diadakan sepanjang AWARE'16 ini berlangsung antaranya pameran jabatan/industri serta beberapa seminar yang turut disampaikan oleh wakil JPS iaitu Dato' Ir. Hj Mohd Azmi bin Ismail, Dr. Norlida binti Mohd Dom, En Muhammad Al-Muzammil bin Chu Ahmad dan En Wan Hazdy Azad bin Wan Abdul Majid.



MESYUARAT JAWATANKUASA TINDAKAN JPS BIL 1/2016

Oleh: Bahagian Korporat

Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Jabatan Pengairan Dan Saliran (JTJPS) Bil.1/2016 telah berlangsung pada 6-7 April 2016 di Bilik Mesyuarat Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Ir. Haji Zulkefli bin Hassan, Ketua Pengarah JPS Malaysia.

Mesyuarat ini turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Ir. Mohd Abdul Nassir bin Bidin, Timbalan Ketua Pengarah I (Sektor Bisnes), Pengarah-Pengarah Bahagian dan Pengarah Negeri. Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk membincangkan dan membuat pemantauan ke atas prestasi fizikal dan kewangan peruntukan pembangunan Jabatan dan Agensi.



LAWATAN KETUA PENGARAH TURUN PADANG



10 APRIL 2016

Majlis Pecah Tanah Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Teluk Intan telah disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri, YAB. Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi di Kampung Terengganu.

Turut hadir bersama ialah YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, YBhg. Dato' Ir. Haji Zulkefli bin Hassan, Ketua Pengarah JPS Malaysia, YBhg. Dato' Ir. Haji Abdul Razak bin Dahalan, Pengarah JPS Negeri Perak, Dato' Sri Mah Siew Keong, Ahli Parlimen Teluk Intan, YB. Dato Mohd Azhar bin Jamaluddin, ADUN Changkat Jong, YB. Hj. Abdullah Fauzi bin Ahmad Razali, ADUN Kg. Gajah.



26 APRIL 2016

Lawatan Kerja YBhg. Dato' Ketua Pengarah JPS Malaysia bersama Jurutera-Jurutera JPS Pahang.



26.04.2016 12:37



LAWATAN KETUA PENGARAH TURUN PADANG



Majlis Perasmian dan Pelancaran Projek Tebingan Sungai Batang Kayan, Lundu & Upacara Pecah Tanah Projek Perlindungan Hakisan Sungai Kampung Semunin Jaya, Lundu. Majlis ini disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Haji Adenan Bin Haji Satem, Ketua Menteri Sarawak dan turut hadir bersama YBhg. Dato' Sri Azizan Bin Ahmad, Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan YBhg. Dato' Ir. Haji Zulkefli bin Hassan, Ketua Pengarah JPS Malaysia.

15 APRIL 2016



16 APRIL 2016

Lawatan Tapak YBhg. Dato' Ketua Pengarah JPS Malaysia ke Lokasi Hakisan Pantai di SK Bandengan, Mukah, Sarawak



TAKLIMAT PROGRAM RAMALAN & AMARAN BANJIR, PELAN STRATEGIK 2016-2020 DAN PELAN TRANSFORMASI JPS MALAYSIA

Oleh: Bahagian Korporat

Sesi Taklimat Program Ramalan & Amaran Banjir, Pelan Strategik 2016-2020 dan Pelan Transformasi JPS Malaysia telah diadakan di INTAN Bukit Kiara pada 5 April 2016 dan telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Ir. Hj. Zulkefli bin Hassan, Ketua Pengarah JPS Malaysia.

Seramai lebih 150 orang pegawai yang hadir pada sesi taklimat tersebut yang melibatkan Pengarah Bahagian/Negeri, Jurutera Bahagian, Jurutera Projek dan Jurutera Daerah. Pembentangan telah disampaikan oleh YBhg. Datuk Gapar bin Asan untuk Taklimat Program Ramalan & Amaran Banjir, YH Dato' Ir. Hj. Mohd Azmi bin Ismail, Ketua Task-Force Pelan Strategik 2016-2020 dan Ir. Rozman bin Mohamad, Ketua Transformation Troopers Pelan Transformasi JPS Malaysia dan telah dibantu oleh ahli Task-Force dan Penyelaras Program masing-masing.

Taklimat ini diadakan bertujuan untuk memberikan pendedahan dan pengetahuan dengan lebih lanjut kepada semua pegawai JPS berkenaan dengan Program Ramalan & Amaran Banjir, Pelan Strategik 2016-2020 dan Pelan Transformasi JPS.



LAWATAN TEKNIKAL IEM-MANCID-NAAM KE JAKARTA & BANDUNG, INDONESIA

Oleh: Bahagian Korporat

Institut Jurutera Malaysia dengan kerjasama Jawatankuasa Malaysia National bagi Pengairan dan Saliran (MANCID) dan Belanda Alumni Association of Malaysia (NAAM) telah menganjurkan satu lawatan teknikal ke Jakarta dan Bandung, Indonesia pada 30 Mac - 2 April 2016. Seramai 39 peserta (pegawai kerajaan / jurutera (terutamanya JPS Malaysia), usahawan, kontraktor dan perunding) telah menghadiri lawatan tersebut.

Objektif lawatan adalah untuk memberi pendedahan kepada para perwakilan berkenaan projek-projek berkaitan Sumber Air di Indonesia disamping mengukuhkan hubungan antara organisasi sumber air tempatan dan antarabangsa (IEM-MANCID-NAAM dan INACID).



57TH. IEM ANNUAL DINNER & AWARDS NIGHT

Oleh : Bahagian Korporat

Pada 16 April 2016 dan bertempat di Sunway Resort & SPA, 57th. IEM Annual Dinner & Awards Night ini telah diadakan dan dirasmikan oleh YB Dato' Sri Liow Tiong Lai (Menteri Pengangkutan Malaysia) Setinggi-tinggi ucapan tahniah dan penghargaan diucapkan kepada JPS Malaysia kerana telah dianugerahkan "The Most Supportive Organisation" & dinobatkan sebagai organisasi paling ramai lulus temuduga Jurutera Profesional di Malaysia pada tahun 2015.

Ucapan Tahniah ini juga ditujukan kepada Ir. Dr. Ahmad Anuar bin Othman kerana dianugerahkan "The Most Supportive Individual" di atas usaha yang sama.

Ucapan Tahniah ini juga ditujukan kepada Ir. Hajah Rosnelawati bt. Haji Ismail kerana dianugerahkan "Presidential Award of Excellence for Women Engineers Section".




PROGRAM INTAN LEADERSHIP TALK SERIES (iLEAD TALK): "LEADERSHIP AND INNOVATION"

Oleh : Bahagian Pengurusan Maklumat

Pada 12 April 2016 telah diadakan Program INTAN Leadership Talk Series (iLEAD Talk): "Leadership And Innovation" di Auditorium, INTAN Bukit Kiara. Program ini telah dirasmikan oleh YBrs. Dr. Mohd Bakhari Ismail, Timbalan Pengarah / Ketua Kluster bagi Kluster Kepimpinan dan Pembangunan Eksekutif dan turut hadir bersama Kal Joffres, CEO Tandemic dan Lt.Gen. Datuk Azizan Md Delin, Ketua Pegawai Eksekutif MIDAS. Bahagian Pengurusan Maklumat telah menghantar Maruthamuthu Sankar A/L Angappan sebagai wakil bahagian untuk menghadiri program ini.

Tujuan program ini diadakan adalah sebagai platform kepada pegawai untuk mengenal ciri-ciri kepimpinan terkini yang perlu ada pada seseorang pemimpin, memberi pendedahan mengenai 'Design Thinking' sebagai pendekatan inovasi yang membantu dalam proses pembaharuan dan untuk mengetahui mengenai kejayaan "Projek Jiwa Murni" yang dilaksanakan melalui inovasi perkhidmatan 'Service Innovation'. Selain itu ia dapat memberi pengkongsian maklumat kepada pegawai mengenai kejayaan mengaplikasikan ciri-ciri kepimpinan dan inovasi ke arah penambahbaikan penyampaian perkhidmatan.



MAJLIS SEPETANG YBHG DATO' KETUA PENGARAH BERSAMA MERINYU TALIAIR SEMENANJUNG MALAYSIA.

Oleh : Bahagian Khidmat Pengurusan

Bertempat di Bilik Gerakan Ibu Pejabat JPS, YBhg. Dato' Ir. Hj. Zulkefli bin Hassan, Ketua Pengarah JPS Malaysia telah mengetuai Majlis Sepetang YBhg Dato' Ketua Pengarah bersama Kumpulan Merinyu Taliair Negeri Semenanjung. Turut hadir bersama Tuan Haji Jailani bin Abdul Majid, Pengarah Khidmat Pengurusan, Encik Chong Wai Fatt, Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Khidmat Pengurusan serta 23 orang wakil daripada JPS Kedah, JPS Kelantan, JPS N.Sembilan, JPS Melaka, JPS Terengganu, JPS Pulau Pinang, JPS Pahang, JPS Perak dan JPS Selangor.

Majlis ini diadakan bagi memberi peluang kepada Kumpulan Merinyu Taliair Negeri Semenanjung berbincang secara terbuka dengan YBhg. Dato' KP bagi mengenal pasti masalah yang dihadapi.



PROGRAM 'YBHG DATO' KP BERSAMA BAKAL PESARA BULAN APRIL & MEI 2016

Oleh : Bahagian Khidmat Pengurusan

Pada 4 April 2016, satu program YBhg Dato' KP bersama bakal pesara telah diadakan di Bilik Direktorat, JPS Malaysia. Program ini dihadiri oleh YBhg. Dato' Ir. Hj. Zulkefli bin Hassan, Ketua Pengarah JPS Malaysia, YBhg. Dato' Ir. Mohd Abdul Nassir bin Bidin, Timbalan Ketua Pengarah I (Sektor Bisnes) dan Tuan Haji Jailani bin Abdul Majid, Pengarah Khidmat Pengurusan. Seramai 4 orang bakal pesara telah menghadiri program secara bersiri ini sebagai suatu penghargaan Pengurusan Tertinggi kepada bakal pesara di atas khidmat bakti yang telah diberikan kepada Kerajaan.

Pada program ini, YBhg. Dato' Ir. Hj. Zulkefli bin Hassan telah menyampaikan sijil penghargaan dan cenderahati kepada bakal pesara. Kami warga JPS mengucapkan selamat maju jaya dan selamat bersara.

FREE PRINT I PRINT ALL YOU CAN

Oleh : Bahagian Pengurusan Maklumat

Pada 20 April 2016, satu sesi *Technology Update - Free Print* telah diadakan dan ia diketuai oleh YBrs. Puan Norizan Binti Harun, Pengarah Bahagian Pengurusan Maklumat. Sesi ini telah dihadiri oleh kakitangan Bahagian Pengurusan Maklumat dan Bahagian Khidmat Pengurusan. "Free Print" adalah perkhidmatan penyewaan pencetak, di mana dengan hanya kadar penyewaan tetap bulanan, organisasi dapat mencetak tanpa had (black dan color dalam saiz A4/A3) tanpa perlu membayar sebarang kos tambahan bagi pengisian semula ink cartridge, di samping menikmati On-Site free support ke atas penyelenggaraan pencetak.

Mengapa "Free Print"?

- 1) Hanya perlu bayar kadar sewa tetap bulanan
- 2) Tiada kos terlindung (tiada caj bayaran meter)
- 3) Membantu mengawal dan menjimatkan kos operasi organisasi
- 4) Ink isian semula adalah 'toxic free' (menyokong konsep "Go Green")



Majlis "An Afternoon with DATIN SRI SITI KUSTINA BINTI YUNUS"

Oleh : PUSPANITA JPS MALAYSIA

Pada 14 April 2016, ahli PUSPANITA JPS Malaysia telah menganjurkan majlis "An Afternoon With Datin Sri Siti Kustina binti Yunus" mantan Pengerusi PUSPANITA JPS Malaysia sempena persaraan wajib suami beliau, Dato' Sri Ir. Zainor Rahim bin Ibrahim, Ketua Pengarah JPS Malaysia. Majlis penuh meriah telah disertai oleh 100 ahli dengan pelbagai acara seperti cabutan bertuah, permainan dan pertandingan pakaian tercantik. Majlis turut dihadiri oleh isteri Timbalan Ketua Pengarah I, Pengarah Kanan dan Pengarah-pengarah JPS Negeri.



PROGRAM TAYANGAN AMAL - FILEM 'REDHA'

Oleh : PUSPANITA JPS MALAYSIA

Seramai 32 ahli PUSPANITA JPS Malaysia telah menyertai Program Tayangan Amal - Filem 'REDHA' pada 22 April 2016 di NU Sentral, Kuala Lumpur. Program ini diketuai oleh Pn. Khaliza bt. Sedek, Jurutera Awam Bahagian Projek Khas.

Tayangan amal ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan secara mendalam dan memberikan gambaran lebih jelas tentang kanak-kanak autism.

Filem 'Redha' diinspirasikan dari kisah benar pasangan suami isteri membesarkan anak mereka yang menghidap autism serta dilema seorang bapa yang tidak dapat menerima hakikat tersebut. Kisah yang sarat dengan mesej kekeluargaan dan masyarakat amat sesuai dengan peranan ahli PUSPANITA sebagai ibu.



PROGRAM 'JOM BACA BERSAMA SELAMA 10 MINIT' DAN PELANCARAN 'KEMPEN DERMA BAHAN BACAAN'

Oleh : UNIT PERPUSTAKAAN

Pada 25 April 2016, Unit Perpustakaan telah mengadakan Program 'Jom Baca Bersama Selama 10minit' dan Pelancaran 'Kempen Derma Bahan Bacaan' bertempat di Perpustakaan JPS Malaysia. Program ini telah dirasmikan oleh Ir. Saari bin Abdullah, Pengarah Audit Prestasi dan turut hadir bersama Pn. Yuslina binti Mohd. Sani, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Korporat dan warga JPS.

Tujuan program ini dilaksanakan adalah untuk mendorong rakyat Malaysia membaca yang mana dimulai dengan langkah awal selama 10 minit. Selain itu, ia juga sebagai tanda komitmen semua pihak terhadap kepentingan membaca dalam kehidupan.




LAWATAN KERJA KE PETROLEUM RESOURCE CENTRE, KLCC

Oleh : UNIT PERPUSTAKAAN

Pada 27 April 2016, seramai 10 orang pegawai daripada Seksyen Korporat yang diketuai oleh Pn. Yuslina binti Mohd. Sani, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Korporat telah mengadakan lawatan kerja ke Petroleum Resource Centre, KLCC.

Lawatan ini diadakan bagi mendapatkan input serta berkongsi idea sesama agensi bagi meningkatkan lagi mutu perkhidmatan dan produktiviti Perpustakaan JPS. Selain itu, lawatan kerja tersebut juga bertujuan untuk menjalin dan mengukuhkan hubungan dua hala di antara perpustakaan-perpustakaan yang terlibat dengan perkongsian idea melalui aktiviti dan program-program yang dilaksanakan oleh Petroleum Resource Centre yang boleh dijadikan rujukan dan contoh untuk aktiviti dan program-program Perpustakaan JPS di masa akan datang.



PERBINCANGAN BERSAMA ARMY CORPS OF ENGINEERS BAGI PELAKSANAAN BENGKEL/LATIHAN DALAM BIDANG HIDROLOGI DAN HIDRAULIK

Oleh : Bahagian Korporat

Pada 20 April 2016 bertempat di Bilik Mesyuarat Bahagian Korporat satu perbincangan telah diadakan diantara pihak JPS Malaysia dan U.S.ARMY Corps of Engineers melalui kedutaan Amerika Syarikat. Perbincangan ini diadakan untuk memperhalusi pelawaan pihak U.S.ARMY Corps of Engineers bagi pelaksanaan bengkel/latihan dalam bidang hidrologi dan hidraulik.

Di dalam perbincangan ini wakil dari JPS Malaysia terdiri daripada pegawai-pegawai dari Bahagian Korporat, Bahagian Pengurusan Sumber Air & Hidrologi, Bahagian Pengurusan Banjir, Bahagian Pembangunan Modal Insan, HTC Kuala Lumpur, Bahagian Pengurusan Zon Pantai, Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai manakala U.S.ARMY Corps of Engineers diwakili oleh Mr. Evan Ting, Mr Brian T. Albert, Mr. James K. Ligh serta wakil-wakil yang lain.



LAWATAN INOVASI WARGA BPMP KE ASIA WATER 2016 (AWARE 2016)

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

YBhg. Dato' Ir. Haji Zulkefli bin Hassan

PENYELARAS

Ir. Hj. Nor Hisham Bin Mohd Ghazali

KETUA EDITOR

Ir. Haji Nishad Mohamed Bin Haji C.j. Mohd. Shaffy

EDITOR

Yuslina Binti Mohd Sani

PENOLONG EDITOR

Nor Hafizah binti Mohd Suhadis

Suriani binti Hassan

Noraini Binti Samsudin

Noor Asmihan Binti Abd Wahab

SUMBANGAN BERITA OLEH

Bahagian Korporat

Bahagian Pengurusan Maklumat

Bahagian Pembangunan Modal Insan

Bahagian Khidmat Pengurusan

Unit Perpustakaan

PUSPANI JPS

DITERBITKAN DAN DIREKAGRAFIK OLEH

Unit Maklumat

Bahagian Korporat

Jabatan Pengairan dan Saliran, Malaysia

Jalan Sultan Salahuddin

50626 Kuala Lumpur

Sebarang maklumat dan berita serta gambar-gambar untuk keluaran akan datang boleh dihantar kepada kami melalui :

Email : norhafizah@water.gov.my

No. Tel : 03-2615 1765

Email : surianihasan@water.gov.my

No. Tel : 03-2616 1449

Email : noraini_s@water.gov.my

No Tel : 03-2616 1461

Oleh : Bahagian Pembangunan Modal Insan

Urusetia Inovasi Bahagian Pembangunan Modal Insan (BPMP), JPS Malaysia melalui Seksyen Dasar telah mengaturkan satu Lawatan Inovasi untuk wargakerja BPMP di Asia Water 2016 (AWARE 2016) pada 6 April 2016 bertempat di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), Kuala Lumpur.

Program ini adalah merupakan Program Lawatan Inovasi pertama bagi tahun ini untuk memperluaskan skop dan ruang pemikiran wargakerja BPMP khususnya dalam menerapkan budaya inovasi dan kreativiti dalam urusan kerja seharian.

Pelbagai produk inovasi berbentuk prototaip dipamerkan meliputi pelbagai bidang seperti pengurusan dan guna sumber air bagi tujuan pertanian, industri makanan, guna domestik, perubatan, kejuruteraan, pendidikan, bahan binaan, automotif dan sebagainya.

Informasi berkenaan teknologi terkini yang diperolehi daripada pameran yang dianjurkan serta input positif yang diterima melalui program lawatan seperti ini mendorong pihak urusetia Inovasi BPMP untuk meneruskan program lawatan seperti ini pada masa akan datang.





like us on
facebook.



@OneJPS

www.water.gov.my